



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 W.P. PUTRAJAYA**

**Telefon : 03-8891 5555  
Fax : 03-8891 5557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http :  
//www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](#)  
Facebook: [Kementerian](#)**

u\_\_

---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (1)

Tarikh: 14 Oktober 2012

## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PELANCARAN STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA KE-7 : KEJIRANAN INDAH (*NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY 7* (NBOS 7): *MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD*) RUMAH PANGSA SIMPANG KUALA DAN SEBERANG TERUS**

**Alor Setar, 14 Oktober 2012** - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan projek baik pulih Rumah Pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus dalam program NBOS 7 : *MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* atau Kejiranan Indah pada pagi ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan NBOS 7 ini yang telah dilancarkan YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada November 2009 sebagai satu lagi inisiatif kerajaan bagi meneraju negara ini ke arah sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan sejahtera dalam semua aspek. Kerja pemulihan Rumah Pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus ini akan bermula pada 18 Oktober 2012 dan berakhir pada 30 November 2012 melibatkan kos RM5.6 juta.

Dari jumlah ini RM3.0 juta adalah untuk Simpang Kuala dan bakinya RM2.6 juta untuk Seberang Terus. Yang menariknya mengenai baik

pulih di rumah pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus ini ialah senarai kerja baik pulih dikenalpasti menerusi perjumpaan dengan penduduk tidak seperti sebelumnya ianya adalah hasil pemerhatian pegawai KPKT sahaja. Kerja baik pulih yang dikenal pasti di Rumah Pangsa Simpang Terus dan Seberang Kuala adalah seperti berikut:

1. Menukar tangki air yang rosak kepada tangki yang lebih tahan lama dan berkapasiti tinggi
2. Menukar bumbung, siling dan kerangka bumbung yang dilengkapi dengan lapisan aluminium
3. Mengecat bangunan termasuk rangka pintu, *facia board* dan ruang tangga
4. Pembaikan lampu dan pedawaian semula lampu di kaki lima bangunan
5. Menaik taraf longkang perimeter dalaman dan sistem peparitan luar
6. Membaiki surau termasuk kerja-kerja mengganti karpet, kerangka, bumbung, *awning*, siling dan pagar
7. Membaiki rumah pam air yang rosak
8. Menaik taraf dan membaik pulih jalan dan menyusun semula petak meletak kereta
9. Mengindahkan landskap persekitaran dengan memasang alatan mainan kanak-kanak, tong sampah (litter bin) dan kerusi taman

Manakala pembinaan Dewan Serbaguna untuk Rumah Pangsa Seberang Terus adalah pembinaan baru di atas permintaan penduduk. Aspek keselamatan dan pencegahan jenayah pula melibatkan aktiviti :

1. Omnipresence, *4 man patrolling* oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

2. Pemasangan papan tanda PDRM dan tempat letak motosikal berkunci di bawah
3. Program Bandar Selamat.
4. Peningkatan rondaan Rukun Tetangga oleh RELA dan persatuan penduduk.

Penduduk rumah pangsa ini juga digalakkan menjaga kebersihan persekitaran, membuang sampah di dalam tong sampah yang disediakan, rondaan SRS, penglibatan dalam program 1M4U. Selain daripada rumah pangsa Simpang Kuala dan Seberang Terus ini, projek NBOS 7 ini telah dilaksanakan di Taman Setia Jaya, Alor Setar dan Rumah Pangsa Lobak, Seremban. Ianya akan diperluaskan ke Ipoh, Perak dan Larkin, Johor Bahru. Secara keseluruhannya, di bawah Program NBOS 7 ini kawasan perumahan yang terpilih akan dinaik taraf meliputi 4 aspek utama seperti berikut:

1. Program menambah baik atau membaik pulih kawasan perumahan yang dimiliki oleh penduduk berpendapatan rendah;
2. Program pembinaan semula buah rumah terbakar;
3. Program peningkatan rondaan keselamatan (*security patrolling*) di stesen LRT dan pusat membeli belah bagi menangani jenayah; dan
4. Program kebersihan, pengindahan dan penyelenggaraan kemudahan awam.

Turut hadir di pagi ini ialah Encik En. Yong Bun Fou: Timbalan Ketua Setiausaha KPKT (Dasar & Pembangunan), En. Kamalruddin Bin Shamsudin : Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Datuk Haji Azmi Bin Lateh: Pegawai Kemajuan Negeri Kedah, YB Dato' Paduka

Ahmad Bashah Bin Md Hanipah: Pengerusi Barisan Nasional Negeri Kedah merangkap ADUN Bakar Bata, YB. Dr. Cheah Soon Hai: ADUN Derga, Alor Setar, Dato' Chong Itt Chew: Penyelaras DUN Kota Darulaman dan Dato' Hj. Mat Noh bin Ahmad: Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar serta pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Kedah.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)